



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Mensyukuri nikmat cahaya matahari

menjadikannya Tuhan seperti ajaran Druid dan kaum Saba'.

Matahari adalah sebuah bintang di sistem solar terletak hampir 150 juta kilometer dari bumi. Ia mempunyai suhu permukaan hampir 6,000 darjah Celsius yang terhasil daripada tindak balas nuklear.

Walaupun berada jauh dari bumi, namun cahaya dan kepanasan masih boleh dirasakan untuk manfaat kehidupan di muka bumi.

Allah menciptakan jarak yang sempurna antara bumi dan matahari. Apabila jarak matahari lebih dekat dengan kita, maka semua yang ada di bumi meluap dan terbakar.

Begitu juga apabila jaraknya lebih jauh dari saat ini, maka semua kawasan tertutup dengan ais.

Dalam keadaan

demikian, mustahil untuk menjumpai sebarang kehidupan. Peredaran bumi mengelilingi matahari memungkinkan berlaku perubahan siang dan malam serta perubahan musim yang memberi banyak hikmah dan kemaslahatan manusia.

Aturan perjalanan matahari banyak membantu dalam proses penetapan masa seterusnya membantu dalam konteks ibadat seperti penentuan waktu solat.

Matahari amat penting bagi proses kehidupan di bumi ini. Tumbuhan hijau yang hidup akhirnya mendukung rantai makanan untuk kelangsungan makhluk hidup.

Fungsi matahari sebagai sumber tenaga dan rantai makanan membentuk aturan alam yang

menunjang kehidupan manusia.

Tumbuhan menggunakan cahaya matahari untuk mereka membesar dan membuat makanannya sendiri melalui proses fotosintesis.

Ini bermakna, mereka mempunyai tenaga yang boleh disimpan. Kemudian, manusia memperoleh tenaga dengan cara memakan tumbuhan serta memakan haiwan seperti daging lembu yang mempunyai tumbuhan yang dimakan.

Cahaya matahari juga membantu proses penghasilan awan dan hujan. Pengewapan air laut untuk membentuk awan banyak dibantu kepanasan cahaya matahari.

Seterusnya, ia bergerak ke kawasan tertentu dan menurunkan air terkumpul

dalam bentuk hujan bagi membantu memberikan sumber air kepada tumbuhan dan hidupan lain.

Selain itu, cahaya matahari mempunyai banyak manfaat dari segi kesihatan terutama cahaya pada waktu pagi.

Kandungan ultra violet (UV) pada cahaya matahari boleh meningkatkan penghasilan vitamin D dalam tubuh manusia, selain mampu meningkatkan kesihatan tulang, mengawal hormon tekanan, mengawal tekanan darah, memperbaiki kualiti tidur, mencegah barah prostat, memperbaiki pelbagai penyakit kulit dan meningkatkan kekebalan sistem tubuh.

Namun, pendedahan terhadap sinaran UV berlebihan juga boleh memberikan kesan negatif

kepada kesihatan seperti kanser kulit dan kerosakan imun tubuh.

Matahari juga menghasilkan gelombang radio, gelombang ultra ungu, sinar inframerah, sinar-X dan angin suria yang merebak ke seluruh sistem suria.

Namun, kita bersyukur kerana bumi dilindungi angin suria oleh medan magnet bumi. Manakala lapisan ozon pula melindungi bumi daripada sinaran ultra ungu dan inframerah.

Justeru, kita hendaklah sentiasa memelihara alam sekitar bagi mengelakkan berlaku kenipisan lapisan ozon mahu pun gangguan terhadap kestabilan medan magnetik bumi.

**Penulis Presiden
Persatuan Cina Muslim
Malaysia (MACMA) dan
Profesor di Universiti
Putra Malaysia**